

Skim RM1b rangsang sektor automasi, pendigitalan


Kerajaan melalui Bank Pembangunan Malaysia Bhd (BPMB) akan melaksanakan Skim Transformasi Pendigitalan Industri bernilai RM1 bilion bertujuan untuk merancakkan aktiviti pendigitalan dengan ketersediaan dana sehingga 31 Disember 2023.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata ia adalah sebahagian daripada strategi kerajaan untuk mengutamakan sektor automasi dan pendigitalan.

“Bergerak ke hadapan, kerajaan akan menumpukan kepada produktiviti jangka panjang melalui penggunaan teknologi baharu bagi mempercepat transformasi ke arah ekonomi berpendapatan tinggi,” katanya ketika membentangkan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat, semalam.

Tengku Zafrul berkata, bagi menyokong aktiviti automasi dan modenisasi pula, dana tambahan berjumlah RM150 juta disediakan di bawah Skim Geran Pendigitalan SME dan Geran Automasi.

“Syarat kelayakan geran ini turut dilonggarkan kepada PKS mikro dan syarikat pemula yang telah beroperasi selama enam bulan,” katanya.

 **Kerajaan akan menumpukan kepada produktiviti jangka panjang melalui penggunaan teknologi baharu bagi mempercepat transformasi ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.**

**Tengku Zafrul
Tengku Abdul Aziz,
Menteri Kewangan**